

27 JUL 2002

Asean-Sekretariat/I

MALAYSIA BOLEH JAYAKAN ASEAN+3 JIKA SEKRETARIAT DI KL

Oleh: Jackson Sawatan

BANDAR SERI BEGAWAN, 27 Julai (Bernama) -- Malaysia mampu menjayakan forum Asean+3 jika ia diberi peluang oleh negara-negara anggota untuk menjadi tuan rumah bagi sekretariat forum itu, menurut seorang pegawai Asean hari ini.

Beliau berkata Malaysia boleh memulakan usaha dengan segera, walaupun tahun depan, jika semua negara anggota bersetuju yang sekretariat itu ditempatkan di Malaysia.

Asean+3 yang dilihat sebagai versi lebih halus Perkumpulan Ekonomi Asia Timur (EAEG) yang dicadangkan oleh Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad mengumpulkan kesemua 10 negara anggota Asean bersama Jepun, China dan Korea.

Hasrat Kuala Lumpur untuk menjadi tuan rumah sekretariat itu dijangka dibincangkan di Mesyuarat Menteri-menteri Asean ke 35 (AMM) di sini, pada Isnin.

Pegawai itu yang tidak mahu namanya disiarkan berkata: "Saya rasa Malaysia akan dapat bertindak pantas jika mesyuarat (AMM) ini bersetuju yang Kuala Lumpur menjadi Sekretariat Asean+3."

Pegawai itu bagaimanapun mengakui terdapat sedikit keraguan di kalangan negara-negara anggota berhubung penubuhan sekretariat itu kerana khuatir ia mungkin mengetepikan peranan Sekretariat Asean di Jakarta.

Beliau berkata tiada negara menyuarakan bantahan rasmi mereka bagi menempatkan sekretariat Asean+3 di Malaysia.

Ditanya mengenai isu itu, bekas Setiausaha Luar Filipina Domingo Siazon berkata walaupun sekretariat Asean+3 adalah penting "ia mungkin terlalu awal untuk mengambil pendirian mengenainya kerana kita perlu kaji strukturnya terlebih dahulu"

"Kemungkinan ia memerlukan tiga hingga lima tahun untuk menjadi kenyataan," dan Siazon menambah kata kerajaan Filipina mengiktiraf pentingnya forum itu.

Ditanya mengenai pandangan yang kewujudan sekretariat Asean+3 akan memuramkan Sekretariat Asean di Jakarta, beliau berkata: "Saya rasa Asean perlu lebih yakin dengan dirinya.

Siazon menambah kata yang "beliau tidak mempunyai apa-apa pandangan" mengenai di mana sekretariat itu harus ditempatkan.

Ketua Pengarah Jabatan Asean, Kementerian Luar Thailand Suchita Hiranpreuk sementara itu berkata mereka lebih suka Sekretariat Jakarta diperkukuhkan terlebih dahulu.

"Tetapi ini terbuka bagi perbincangan," katanya.

-- BERNAMA

JS PR